

SOALAN-SOALAN LAZIM BAYARAN MELALUI KAD KREDIT

1. Saya mempunyai tunggakan cukai. Adakah tunggakan cukai tersebut boleh dijelaskan melalui kad kredit? Jika boleh, di mana saya boleh membuat bayaran melalui kad kredit?

Ya. Tunggakan cukai boleh dijelaskan melalui kad kredit. Bayaran melalui kad kredit boleh dilakukan secara dalam talian di laman web LHDNM (<https://byrhasil.hasil.gov.my/creditcard/>)

2. Sekiranya saya membuat bayaran cukai pendapatan melalui kad kredit, adakah LHDNM akan menanggung kos pentadbiran bagi bayaran melalui kad kredit tersebut?

LHDNM tidak akan menanggung kos pentadbiran bagi bayaran melalui kad kredit. Kos pentadbiran sebanyak 0.8% daripada amaun yang dibayar perlu ditanggung oleh pembayar dengan persetujuan beliau.

3. Bolehkah saya membayar cukai bayaran pendapatan melalui kad kredit di kaunter-kaunter perkhidmatan yang disediakan di cawangan-cawangan LHDNM?

Tidak boleh. Bayaran cukai pendapatan melalui kad kredit adalah secara dalam talian sahaja.

4. Saya telah membuat bayaran cukai pendapatan melalui kad kredit. Adakah LHDNM akan mengeluarkan resit rasmi sebagai bukti pembayaran cukai pendapatan untuk rujukan saya di masa akan datang.

LHDNM akan mengeluarkan satu slip pengesahan penerimaan pembayaran dengan logo Hasil selepas bayaran dilakukan. Slip tersebut perlu dicetak oleh pembayar sebagai rujukan di masa akan datang.

5. Berapakah had bayaran minimum sekiranya bayaran cukai pendapatan dibayar melalui kad kredit?

Tiada had bayaran minimum ditetapkan untuk bayaran cukai pendapatan melalui kad kredit.

6. Kad Kredit daripada bank mana yang boleh digunakan untuk membuat Pembayaran ini?

Semua jenis kad kredit Visa, MasterCard dan American Express yang dikeluarkan oleh bank-bank di Malaysia boleh digunakan untuk membuat Pembayaran.

7. Adakah Bayaran ini hanya boleh dilakukan bagi tempoh promosi 2/3/2015 – 30/6/2015 sahaja atau akan diteruskan selepas tempoh promosi?

Tempoh promosi yang dinyatakan ialah untuk promosi bagi menyertai pertandingan yang dianjurkan oleh Maybank yang menawarkan hadiah Samsung Note 4 sahaja.

Untuk makluman tuan, pembayaran melalui kad kredit ini akan diteruskan selepas tempoh promosi seperti mod-mod Bayaran lain yang LHDNM perkenalkan sebelum ini.